



MAJLIS PERBANDARAN KULAI

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohon yang berkeelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan:

JAWATAN 1

SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI : W29

JADUAL GAJI

GRED

W29

JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM

: RM 1,498.00 - RM 5,678.00

SYARAT KELAYAKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92)

- (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92)

- (iii) diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,851.28)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perkara 1(c); dan
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

TARAF JAWATAN

10. **TETAP**

JAWATAN 2

SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG JURUTERA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI : JA29

JADUAL GAJI

<u>GRED</u>	<u>JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM</u>
JA29	: RM 1,549.00 - RM 5,701.00

SYARAT KELAYAKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya:
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00)
 - Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya:
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN

- KONTRAK**

JAWATAN 3

SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU PENGUATKUASA
KLASIFIKASI : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI : KP19

JADUAL GAJI

GRED

KP19

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM

: RM 1,360.00 - RM 4,052.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktirafsetaraf dengannya oleh kerajaan; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,360.00)
 - (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,360.00)
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada KP19:RM 1,416.40); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada KP19:RM1,472.80). Dan
 - (d) Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:-
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) diantara julat 19 hingga 26;
 - (iii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat dan sesuai oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

SYARAT KELAYAKAN

- 2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i),1(c)(iii) atau 1(c)(iv) **BAHASA MELAYU** hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TARAF JAWATAN

- 4. **KONTRAK**


CARA-CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Majlis Perbandaran Kulai yang boleh diperolehi daripada Pejabat Majlis secara percuma. Borang Permohonan juga boleh diperolehi dengan muat turun dari Laman Web Rasmi www.mpkulai.gov.my
- b) Permohonan hendaklah disertakan bersama sekeping gambar berukuran passport, salinan Kad Pengenalan, Sijil Persekolahan dan Sijil Berhenti Sekolah (setiap salinan sijil hendaklah diperakui sah oleh Pegawai yang bertauliah).
- c) Bagi kelayakan Sijil/Diploma/Ijazah perlu dilampirkan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Laman Web :- <http://app.mohe.gov.my/iktiraf> dan dihantar bersama borang permohonan.
- d) Permohonan yang lewat diterima, tanpa gambar dan tanpa dokumen-dokumen di atas dan tidak mengikut syarat/peraturan tidak akan dilayan.
- e) Permohonan dari anggota Kerajaan dan Badan Berkanun/Kuasa Tempatan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am. Bab A Perenggan 17 Tahun 2005.
- f) Permohonan hendaklah dihantar terus kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULAI
JALAN PEJABAT KERAJAAN
81000 KULAI, JOHOR
(SEKSYEN PERKHIDMATAN/PERJAWATAN)**

Pada atau sebelum jam 5.00 petang pada **19 OCT 2017** dengan mencatat Nama dan Jawatan yang dipohon di sebelah kiri sampul surat.

Hanya calon-calon yang berkelayakan dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga. Mereka yang tidak dihubungi selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.



HAJI FARIZAL BIN ISMAIL
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Tarikh :
Bil.Fail : MPKu.BPSM.22/1/2